

Headline	350 terima zakat RM500		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	40	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	136 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,274
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,822



## 350 terima zakat RM500

**Kuala Lumpur:** Seramai 350 golongan asnaf miskin dan fakir di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Redang menerima sumbangan zakat berjumlah RM175,000 sempena Ramadan melalui Projek Ihsan Tabung Haji (TH) semalam. Sumbangan diagihkan Ahli Lembaga Pengarah TH Tan Sri Abdul Shukor pada majlis di Dewan Serbaguna PPR Desa Rejang.

Timbalan Pengarah Wilayah Persekutuan Tabung Haji Hajah Zurita berkata, sumbangan berjumlah RM500 kepada setiap penerima zakat dipilih melalui perbincangan yang dilakukan bersama pihak AJK PPR Desa Redang agar tidak berlakunya penerima zakat yang tidak layak menerima zakat.

Selain golongan asnaf miskin dan fakir, pihak TH turut memilih golongan orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan saudara baru mualaf sebagai penerima



**ABD Wahab**

zakat.

"Kami berharap dengan wang sumbangan zakat daripada TH penerima zakat menggunakan wang sebaik mungkin bagi persiapan hari raya," katanya.

Sementara itu penerima Murnidah Samad, 39, suri rumah tangga sepenuh masa bersyukur dan menganggap rezeki anak yang baru dilahirkan bulan yang lalu.

Katanya, pendapatan suami seorang pemandu



**MURNIDAH**

teksi RM950 sebulan tidak mencukupi untuk menampung keluarga mereka yang besar yang mempunyai lapan anak, dan tambah menyulitkan kerana anak bongsu terkena jangkitan kulit dan perlu diberikan perhatian khusus.

Bagi Abd Wahad Ahmad, 60, yang dilahirkan kudung kedua-kedua belah kaki, dia bersyukur dan berterima kasih kepada TH di atas pemberian zakat berkenaan.